


## MAKHRAJ HURUF



**Makhraj huruf** bermaksud tempat keluar sebutan huruf-huruf hija'iyah. Terdapat **5 pembahagian umum** kesemuanya. Di dalamnya pula terdapat **17 makhraj huruf khusus**.

### **1. Al-Halq (الْحَلْق)**

- Ia bermaksud kerongkong tekak atau halkum. Terdapat 6 huruf kesemuanya yang keluar dari kerongkong tekak, iaitu ( ه ح ع غ خ ). **6 Huruf Halqi** tersebut pula terbahagi kepada **3 bahagian khusus**:

a) Pangkal kerongkong: ( ه ء )

b) Tengah kerongkong ( ع ح )

c) Hujung Kerongkong ( غ خ )



### **2. Al-Lisan (اللِّسَانُ)**

- Ia bermaksud lidah. Terdapat **18 huruf Lisan** atau Lidah, iaitu: ( ق ك ي ش ج ض ل ن ر ت د ط ث ذ ظ ص ز س ). Makhraj Lidah ini pula terbahagi kepada **10 bahagian khusus**:

a) Pangkal lidah, berhampiran dengan kerongkong menyentuh bahagian *anak tekak*: ( ق )

b) Pangkal lidah menyentuh lelangit belakang: ( ك )

c) Tengah lidah ditekan ke lelangit atas: ( ش ج ي )

d) Tepi atau sisi lidah (kiri atau kanan) dirapatkan pada gigi geraham atas (bahagian dalam): ( ض )

e) Hujung lidah ditekan ke gusi di atas gigi depan (bahagian dalam): ( ل )


(ن)

- g) Hujung lidah diangkat ke lelangit atas, serta dilengkungkan sehingga ter..  
bahagian belakang: (ر)

- h) Hujung lidah diletakkan ke belakang gigi depan bahagian bawah: (ص ز س)

- i) Hujung lidah ditekan ke pangkal gigi depan bahagian atas: (ت ط د)

- j) Hujung lidah dikeluarkan sedikit dan ditekan di hujung gigi depan bahagian atas:  
(ذ ث ظ)




### 3. As-Syafatain (الشفتين)

- Ia bermaksud bibir mulut. Terdapat **4 huruf Syafatain**, iaitu: (ب م و ف). Makhraj ini ini hanya terbahagi kepada **2 bahagian** khusus sahaja:


- a) Bibir Bawah ditekan ke Gigi Kapak  
bahagian atas: (ف)

- b) Bibir Bawah dan Atas posisi rapat:  
(ب م و )



#### 4. Al-Jauf (الجَوْفُ)

- Ia bermaksud rongga mulut. Bagi makhraj huruf ini, ia merupakan makhraj khusus bagi **huruf-huruf Mad** yang dikeluarkan melalui Rongga Mulut. Terdapat **3 huruf mad** yang keluar dari rongga mulut, iaitu: ( و ي ) .



#### 5. Al-Khaisum (الخِيْشُومُ)

- Ia bermaksud Rongga Hidung. Makhraj Khaisum hanya khusus untuk **ghunnah (dengung)** sahaja. Dengung mestilah dikeluarkan melalui rongga hidung. Dengung hanya berlaku pada huruf Mim ( م ) dan Nun ( ن ) yang berbaris mati dan syaddah (sabdu) sahaja.

Gambar di bawah ini dinyatakan sekali contoh-contoh bacaan dengung:

